



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN SEBUT HARGA
1.	<p>NO. SEBUT HARGA S0052/22</p> <p>FAIL RUJUKAN DB/5/2022</p> <p>TAJUK CADANGAN MEMBEKAL BARANGAN KAMERA DAN ELEKTRONIK UNTUK UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK</p>	<p>(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p>KOD BIDANG 010501-KAMERA DAN AKSESORI</p>	<p>TARIKH DIJUAL 04 JULAI 2022 (ISNIN) HINGGA 12 JULAI 2022 (SELASA)</p> <p>HARGA DOKUMEN RM30.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my</p>	<p>TARIKH TUTUP 13 JULAI 2022 (RABU) 12:00 TENGAH HARI</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA PETI TENDER/ SEBUT HARGA LOBI UTAMA, ARAS BAWAH, IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

2. **Dokumen tender/sebut harga mestilah dikemukakan bersama Borang Pengesahan Pembelian Dokumen Tender/Sebut Harga Bil.01/2021 yang boleh diperolehi di kaunter Unit Perolehan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh pada 12 JULAI 2022 (SELASA) mulai jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang. Borang ini hanya dikeluarkan kepada individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan kerajaan seperti nama yang tercatat dalam SIJIL KKM atau kakitangan syarikat dengan mengemukakan SIJIL ASAL KKM dan salinan penyata caruman KWSP terkini yang telah diproses (untuk simpanan majikan) bagi kakitangan syarikat. Tawaran yang tidak lengkap akan ditolak.**

3. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **didokumentasikan**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.

4. Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

5. Dokumen sebutharga hanya dijual kepada syarikat **Dengan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, 3 bulan sebelum tamat tempoh.**

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Lobi Utama, Aras Bawah, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh.**

8. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH